BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**PEN: 02/02/54 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1930 pada hari Khamis, 28 Februari 2002**

# SIARAN AKHBAR
# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
# JANUARI 2002

---

Keadaan monetari dan kewangan pada bulan Januari 2002 mencerminkan aktiviti ekonomi dan keyakinan pasaran yang lebih baik. Bekalan wang, deposit, pinjaman dan rizab antarabangsa terus meningkat. Arah aliran yang positif ini juga dicerminkan dalam prestasi pasaran saham. Sementara itu, operasi mudah tunai BNM terus bertujuan untuk mengekalkan kadar antara bank yang stabil dalam suasana inflasi yang rendah. Melangkah ke hadapan, dasar monetari yang akomodatif akan terus dilaksanakan untuk menyokong pemulihan ekonomi.

## *Kadar faedah semasa kekal rendah dan stabil*

Dalam suasana mudah tunai yang lega, **kadar faedah antara bank** terus kekal rendah. Pada bulan Januari, operasi mudah tunai BNM menguncup sebanyak RM4.9 bilion bagi mengimbangi kesan pengembangan akibat daripada pengeluaran deposit oleh Kerajaan Persekutuan serta sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM.

## Operasi Mudah Tunai BNM




*Operasi mudah tunai BNM mengucup untuk mengimbangi kesan pengembangan akibat daripada pengeluaran deposit oleh Kerajaan Persekutuan dan sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM*

## Keadaan Mudah Tunai




*Mudah tunai terus kekal lega*

## Kadar Faedah Antara Bank

(purata bulanan)




*Kadar faedah antara bank di pasaran wang kekal rendah dan stabil*

**Kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan ini. Sementara itu, **kadar purata pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan pula terus menurun masing-masing kepada 6.64% dan 10.20% (6.67% dan 10.24% pada akhir bulan Disember 2001).

**Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan**




*BLR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, manakala ALR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun*

Pada 15 Februari, **kadar purata deposit tetap** yang ditawarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan kekal tidak berubah, dengan masing-masing berada pada 3.20-4.00% dan 3.20-4.01%.

**Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan**




*Pada 15 Februari, kadar faedah deposit tetap untuk bank perdagangan kekal tidak berubah*

**Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan**




*...begitu juga dengan kadar faedah deposit tetap untuk syarikat kewangan*

**Kadar Benar Deposit Tetap 3-Bulan**




*Disebabkan oleh kadar inflasi yang rendah sedikit, kadar benar deposit tetap 3 bulan meningkat*

***Ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama sementara menyusut nilai berbanding mata wang serantau pada bulan Januari***

Pada bulan Januari, **ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama**. Nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun (1.2%), euro (2.7%), dan paun sterling (2.6%), selaras dengan pergerakan dolar AS dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Nilai dolar AS mengukuh berbanding euro dan yen Jepun didorong oleh penerbitan penunjuk ekonomi yang mencerminkan pemulihan ekonomi AS. Yen Jepun merosot berbanding dolar AS disebabkan sifat kurang yakin pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Jepun. Euro menyusut nilai berbanding dolar AS disebabkan oleh

kebimbangan pasaran mengenai kemungkinan implikasi penurunan nilai peso Argentina terhadap kawasan euro oleh kerana penglibatan bank-bank Eropah di Argentina.

**Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama**
(Purata mingguan)




*Ringgit meningkat nilai berbanding mata wang utama pada bulan Januari*

Sementara itu, **ringgit menyusut nilai berbanding mata wang serantau** dalam julat 0.6% - 1.1%. Pergerakan mata wang serantau kebanyakannya dipengaruhi oleh perkembangan domestik, serta keyakinan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi serantau, selaras dengan jangkaan pemulihan ekonomi AS. Won Korea, baht Thai dan peso Filipina juga meningkat nilai hasil daripada kemasukan dana luar negara yang berkaitan dengan pasaran ekuiti.

**Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau**
(Purat mingguan)




*Ringgit menurun nilai berbanding mata wang serantau pada bulan Januari*

Sepanjang tempoh **1 – 25 Februari 2002**, nilai ringgit menyusut berbanding kebanyakan mata wang utama. Nilai ringgit menurun berbanding euro dan paun sterling, masing-masing sebanyak 1.4% dan 1.2%, manakala meningkat nilai berbanding yen Jepun sebanyak 0.7%. Dolar AS dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan pasaran mengenai

amalan perakaunan korporat di Amerika Syarikat berikutan kegagalan syarikat Enron, pembekal tenaga yang besar. Nilai euro meningkat berbanding dolar AS berikutan penyiaran data yang menunjukkan prospek pemulihan ekonomi kawasan euro yang bertambah cerah. Namun demikian, yen Jepun menyusut nilai berbanding dolar AS berikutan penurunan taraf beberapa bank dan syarikat insurans nyawa Jepun, serta kebimbangan pasaran mengenai masalah sektor kewangan Jepun. Ringgit mencatatkan prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding peso Filipina (0.1%) dan won Korea (0.9%), sementara menyusut nilai berbanding baht Thai (-0.2%) dan rupiah Indonesia (-1.1%). Ringgit tidak berubah berbanding dolar Singapura.

**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih**

| RM kepada satu unit mata wang asing | 2 September 1998 | Akhir-Jan. 2002 | 25 Februari 2002 | % Perubahan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Januari 2002 | Akhir-2001 - 25 Feb. 2002 | 2 Sep. 1998 - 25 Feb. 2002 |
| Dolar AS | 3.8000 | 3.8000 | 3.8000 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| Euro | - | 3.2773 | 3.3237 | 2.7 | 1.3 | - |
| Paun sterling | 6.3708 | 5.3753 | 5.4391 | 2.6 | 1.4 | 17.1 |
| 100 yen Jepun | 2.7742 | 2.8609 | 2.8408 | 1.2 | 1.9 | -2.3 |
| Dolar Singapura | 2.1998 | 2.0756 | 2.0754 | -1.1 | -1.1 | 6.0 |
| 100 baht Thai | 9.3713 | 8.6501 | 8.6649 | -0.6 | -0.7 | 8.2 |
| 100 peso Filipina | 8.8302 | 7.4197 | 7.4146 | -0.7 | -0.7 | 19.1 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0354 | 0.0368 | 0.0372 | -0.8 | -1.9 | -4.8 |
| 100 won Korea | 0.2827 | 0.2910 | 0.2885 | -0.9 | -0.1 | -2.0 |

### *Inflasi menyederhana*

Inflasi**,** yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna (IHP)**, menyederhana kepada 1.1% pada asas tahunan pada bulan Januari (Disember 2001: 1.2%). Ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih rendah dalam harga makanan; sewa kasar, bahan api dan kuasa; dan pengangkutan dan perhubungan. Terutamanya, makanan, yang mencakup sepertiga daripada raga IHP, mencatatkan kenaikan yang lebih rendah sebanyak 0.3% dalam bulan Januari (0.6% pada bulan Januari 2001).

**Indeks Harga Pengguna**




*Inflasi menyederhana*

### *Harga pengeluar terus menyusut*

Harga pengeluar, yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar (IHPR),** terus menyusut sebanyak 4.5% pada bulan Disember 2001, terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih rendah bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi, berikutan daripada harga yang rendah bagi barangan komoditi iaitu minyak mentah dan getah. Tidak termasuk sub-kumpulan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sedikit sebanyak 0.2%. Untuk keseluruhan tahun 2001, IHPR menyusut sebanyak 5%.




*Harga pengeluar terus menyusut*

### *Pengembangan monetari berterusan*

Pada bulan Januari, wang secara kecil, M1, meningkat sebanyak RM2.9 bilion atau 3.6%, sebahagian besarnya mencerminkan deposit permintaan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi, sementara wang secara luas, M3, meningkat sebanyak RM3 bilion atau 0.6%. Pada asas tahunan, M1 dan M3 terus mengembang, masing-masing sebanyak 5.8% dan 2.4%.

Pada bulan Januari, bekalan wang terus mengembang berikutan operasi Kerajaan yang kukuh, mencerminkan terutamanya pengeluaran deposit oleh Kerajaan daripada BNM (-RM6.6 bilion) untuk membiayai perbelanjaannya. Tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi, mencerminkan peningkatan dalam pinjaman dan pemegangan sekuriti swasta oleh institusi perbankan, turut menyumbang kepada peningkatan M3 pada bulan ini.

## Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan




*Agregat monetari terus mengembang pada asas tahunan…*

## M3: Perubahan Bulanan




*M3 meningkat pada asas bulanan…*

## Penentu-penentu M3

(RM bilion)

| | Perubahan pada bulan | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2001 | | | 2002 |
| | Nov | Dis | Jan-Dis | Jan |
| M3 | 1.8 | 4.1 | 13.0 | 3.0 |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 2.0 | -1.8 | -1.5 | 4.2 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 1.3 | 1.1 | 20.3 | 0.7 |
| Operasi luar [1/] | -0.9 | 1.4 | 7.6 | -1.3 |
| Pengaruh lain | -0.6 | 3.4 | -13.4 | -0.6 |

*1/sebelum penilaian semula*

*…berikutan operasi Kerajaan yang mengembang dan tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi*

***Deposit sistem perbankan dan pinjaman terus meningkat***

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** sistem perbankan meningkat sebanyak RM1.2 bilion atau 0.3% pada bulan Januari. Deposit institusi kewangan terus meningkat sebanyak RM1.3 bilion, terutamanya disebabkan oleh peningkatan deposit institusi kewangan bukan bank dalam bentuk deposit tetap dan permintaan. Deposit Kerajaan Persekutuan dan badan berkanun turut meningkat dengan ketara, terutamanya dalam bentuk deposit SPI. Deposit oleh individu juga meningkat. Sementara itu, deposit perusahaan perniagaan adalah lebih rendah mencerminkan pengeluaran deposit tetap dan perjanjian beli balik yang telah matang. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada penurunan ini diimbangi oleh deposit permintaan dan SPI yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat sebanyak 1.3% pada akhir bulan Januari.

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2001 | | 2002 |
|---|---|---|---|
| | **Nov.** | **Dis.** | **Jan.** |
| **Penyimpan** | | | |
| Kerajaan Persekutuan | -586 | -40 | 1,234 |
| Kerajaan Negeri | 62 | 25 | -172 |
| Badan Berkanun[1/] | -476 | 818 | 911 |
| Institusi Kewangan | -1,580 | 1,657 | 1,327 |
| Perusahaan Perniagaan | -1,177 | 936 | -2,604 |
| Individu | 3,810 | 2,673 | 522 |
| Lain-lain | -110 | -154 | 27 |
| **Jumlah** | **-58** | **5,916** | **1,245** |

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

*Peningkatan dalam deposit institusi kewangan, Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan individu lebih daripada mengimbangi deposit perusahaan perniagaan yang lebih rendah*

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2001 | | 2002 |
|---|---|---|---|
| | **Nov.** | **Dis.** | **Jan.** |
| **Jenis** | | | |
| Deposit tetap | -1,975 | -2,712 | -381 |
| Deposit instrumen boleh niaga *(NID)* | -642 | 327 | 449 |
| Deposit permintaan | 826 | 2,738 | 1,604 |
| Deposit tabungan | 294 | 863 | 36 |
| Perjanjian beli balik *(Repo)* | 1,085 | 4,069 | -3,203 |
| Deposit mata wang asing | 4 | -415 | -220 |
| Deposit SPI | 459 | 1,199 | 2,934 |
| Lain-lain | -110 | -154 | 27 |
| **Jumlah** | **-58** | **5,916** | **1,245** |

*Peningkatan dalam deposit adalah berikutan deposit SPI dan deposit permintaan yang lebih tinggi*

**Kelulusan pinjaman** meningkat dengan nyata kepada RM10.6 bilion pada bulan Januari. Kelulusan terus diberikan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang, mencerminkan permintaan yang mapan untuk pinjaman pengguna. Pada masa yang sama, **pengeluaran pinjaman** kekal tinggi, berjumlah sebanyak RM31.7 bilion. Pengeluaran pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan; perdagangan borong dan runcit; serta pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang.

**Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman**




*Kelulusan pinjaman meningkat dengan nyata*

**Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih**




*Sementara itu, pengeluaran pinjaman kekal tinggi dan disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi*

**Pinjaman yang belum dijelaskan** yang diberikan oleh sistem perbankan bertukar arah untuk mencatatkan peningkatan sebanyak RM554 juta pada bulan Januari. Daripada segi sektor, pinjaman yang lebih tinggi terus disalurkan untuk pembelian rumah kediaman

dan kereta penumpang. Walau bagaimanapun, peningkatan yang tinggi ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam pinjaman untuk sektor bekalan elektrik, gas dan air disebabkan bayaran balik pinjaman yang tinggi berikutan daripada pembiayaan semula pinjaman oleh beberapa syarikat utiliti melalui terbitan sekuriti hutang swasta. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat sebanyak 3.7% pada akhir bulan Januari.

**Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor** **(RM juta)**

| | 2001 | 2002 | |
|---|---|---|---|
| | Perubahan bulanan | | Pada akhir bulan |
| | Dis. | Jan. | Jan. |
| Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan | -289 | -13 | 12,380 |
| Perlombongan dan kuari | 22 | -86 | 1,452 |
| Perkilangan | 38 | 544 | 68,945 |
| Bekalan elektrik, gas dan air | -935 | -813 | 4,504 |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | -101 | 74 | 38,964 |
| Sektor harta benda yang luas | 1,061 | 112 | 175,934 |
| *yang mana:* | | | |
| *Pembelian harta kediaman* | *1,290* | *1,012* | *88,079* |
| Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi | -233 | -44 | 12,431 |
| Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan | -189 | -331 | 35,045 |
| Kredit penggunaan | 1,153 | 1,230 | 70,643 |
| *yang mana:* | | | |
| *Pembelian kereta penumpang* | *721* | *1,074* | *46,574* |
| *Kad kredit* | *323* | *80* | *9,022* |
| Pembelian sekuriti | -252 | -54 | 30,318 |
| Lain-lain | -378 | -65 | 20,371 |
| **Jumlah Pinjaman[1/]** | **-103** | **554** | **470,988** |

[1/] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

*Pinjaman yang belum dijelaskan berubah arah untuk mencatatkan peningkatan*

### *Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terus meningkat*

Pada asas tahunan, agregat **pembiayaan melalui pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta** terus meningkat sebanyak 5.7%. Pada asas bulanan, agregat pembiayaan menurun sebanyak RM1.3 bilion berikutan daripada penebusan PDS yang besar pada bulan ini.

**Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)**

| | Perubahan | | Pertumbuhan tahunan | |
|---|---|---|---|---|
| | 2001 Dis | 2002 Jan | 2001 Dis | 2002 Jan |
| | RM bilion | | % | |
| **Pembiayaan melalui sistem perbankan** | **1.6** | **-0.3** | **5.2** | **5.0** |
| Pinjaman yang belum dijelaskan (1) | -0.1 | 0.6 | 3.6 | 3.7 |
| Pegangan sekuriti hutang swasta | 1.7 | -0.9 | 45.1 | 35.3 |
| **Jumlah PDS * (2)** | **3.0** | **-1.8** | **17.0** | **14.6** |
| **Jumlah (1) + (2)** | **2.9** | **-1.3** | **6.0** | **5.7** |

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

### *Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran modal kekal tinggi*

Dari segi jumlah kasar, **dana yang diperolehi** oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta berjumlah RM944 juta pada bulan Januari. Walau bagaimanapun, disebabkan penebusan yang lebih tinggi bagi sekuriti hutang swasta (-RM1.8 bilion), sektor swasta mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM815 juta. Sementara itu, sektor awam tidak menerbitkan sebarang dana baru pada bulan ini.

**Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal** [1/]




*Penebusan bersih dalam pasaran modal*

1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

**Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur** (KLSE CI) terus pulih pada bulan Januari berikutan pandangan positif pelabur terhadap perkembangan pengstrukturan semula beberapa buah syarikat. Pada 31 Januari, KLSE CI ditutup pada 718.82 mata (+3.3% sejak akhir bulan Disember), sementara permodalan pasaran adalah sebanyak RM485 bilion

(+4.3% sejak akhir bulan Disember). Purata urusniaga harian adalah lebih tinggi sebanyak 348.9 juta unit (322.7 juta unit pada bulan Disember).




*KLSE CI secara keseluruhannya menunjukkan aliran menaik*

Indeks Komposit BSKL terus meningkat pada dua minggu pertama bulan Februari dengan minat belian berikutan berita tentang pendapatan korporat yang lebih baik dan perkembangan positif dalam pengstrukturan semula sektor koporat. Walau bagaimanapun, pada minggu ketiga bulan ini, prestasi BSKL terjejas disebabkan aktiviti pengambilan untung dan prestasi lemah pasaran global. Pada 25 Februari, KLSE CI ditutup pada 701.31 mata (-2.4% sejak akhir bulan Januari), sementara permodalan pasaran adalah sebanyak RM474 bilion (-2.4% sejak akhir bulan Januari). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 297 juta unit (348.9 juta unit pada bulan Januari).

### *Rizab antarabangsa*

**Rizab antarabangsa bersih BNM** meningkat kepada RM117.5 bilion atau AS$30.9 bilion pada 31 Januari 2002. Rizab meningkat lagi kepada RM118.6 billion atau AS$31.2 bilion pada 15 Februari 2002 serta mencukupi untuk membiayai 5.2 bulan import tertangguh dan adalah 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Kenaikan rizab mencerminkan peningkatan perolehan eksport yang dibawa pulang dan kemasukan bersih dana portfolio.




### *Sistem perbankan kekal kukuh*

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal asas (CCR) sistem perbankan masing-masing mengalami penurunan yang marginal daripada tahap 12.8% dan 10.8% pada Disember 2001 kepada 12.5% dan 10.7% pada akhir Januari 2002. Penurunan dalam nisbah-nisbah modal ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan di dalam 'pelaburan dalam subsidiari'[1] berikutan penggabungan dua institusi perbankan asing di Malaysia. Penguncupan ini adalah dijangka untuk sementara sahaja, oleh kerana nilai 'pelaburan dalam subsidiari' akan dikurangkan kepada nilai nominal setelah proses penggabungan ini diselesaikan.

Walaupun nisbah NPL bersih meningkat kepada 8.4% pada akhir Januari 2002, paras NPL masih berada pada tahap yang mampu ditangani oleh sistem perbankan berasaskan nisbah kecukupan modal yang kukuh.

[1] Berdasarkan prinsip BIS, 'pelaburan dalam subsidiari' hendaklah dikurangkan daripada modal asas sesebuah institusi perbankan

| Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | | | | 2002 |
| | Dis. | Dis. | Dis. | Mac. | Jun. | Sep. | Dis. | Jan. |
| **Modal** | | | | | | | | |
| Nisbah modal asas (%) | 8.7 | 10.1 | 10.7 | 10.2 | 10.5 | 10.5 | 10.8 | 10.7 |
| RWCR (%) | 11.8 | 12.5 | 12.5 | 12.1 | 12.6 | 12.5 | 12.8 | 12.5 |
| **NPL bersih** | | | | | | | | |
| **(klasifikasi 6-bulan)** | | | | | | | | |
| Sistem perbankan (%) | 8.1 | 6.4 | 6.3 | 7.1 | 8.0 | 8.2 | 8.1 | 8.4 |
| Sistem perbankan (RM juta) | 31,675 | 23,849 | 24,700 | 27,989 | 32,292 | 32,995 | 32,775 | 34,048 |
| **Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)** | 2.0 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.9 |

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.*

**Sistem Perbankan: Kedudukan Modal**




*…RWCR menurun kepada 12.5%*

**Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am**




*…Nisbah NPL bersih meningkat kepada 8.4%*

Jumlah NPL yang diambil alih dan diuruskan oleh Danaharta dari segi jumlah hak milik pinjaman yang diambil alih adalah sebanyak RM47.7 bilion pada akhir Disember 2001, di mana RM39.8 bilion ataupun 83.4% telah diambil alih daripada sistem perbankan. Danaharta telah menyusun semula ataupun meluluskan penyusunan semula hampir kesemua (99.9%) daripada NPL yang berada di bawah pengurusannya. Dengan ini, Danaharta dijangka akan menumpukan perhatian pula kepada pelaksanaan strategi pemulihan yang telah diluluskan sebelum ini sehingga tarikh penutupan yang disasarkan iaitu pada tahun 2005. Purata nisbah pulangan pinjaman-pinjaman ini dijangkakan akan berada pada tahap 56%, dengan andaian bahawa semua kes kemungkiran tidak akan memberi apa-apa pulangan.

Bagi mendapatkan nilai pulangan yang maksimum untuk aset yang sedang berada di bawah pengurusannya, Danaharta telah melancarkan tender hartanahnya yang keenam pada bulan Januari 2002. Tender hartanah ini melibatkan 30 buah unit kedai pejabat enam tingkat yang mempunyai nilai indikatif berjumlah RM31.9 juta. Tender ini akan ditutup pada 28 Februari 2002.

Suntikan modal oleh Danamodal kekal pada tahap RM2.1 bilion pada akhir Januari 2002. Empat puluh satu kes dengan jumlah hutang sebanyak RM35.2 bilion telah diselesaikan oleh CDRC setakat 31 Januari 2002. Sebuah lagi kes dengan hutang berjumlah RM609 juta telah diterima oleh CDRC manakala dua kes yang lain pula telah dikeluarkan daripada pemerhatian CDRC. Dua puluh satu kes dengan hutang berjumlah RM21.8 bilion pula masih belum diselesaikan.

| Statistik kes-kes CDRC setakat 31 Januari 2002 | | |
|---|---|---|
| | **Jumlah hutang* (RM juta)** | **Bilangan kes** |
| **Dirujuk kepada** | 67,644 | 87 |
| **Ditarik-balik / Ditolak** | 10,606 | 25 |
| **Kes diterima oleh CDRC** | 57,038 | 62 |
| **Selesai dirumuskan** | **35,213** | **41** |
| *Selesai dilaksanakan ** * | *29,048* | *26* |
| *Menunggu perlaksanaan *** * | *6,165* | *15* |
| **Belum diselesaikan** | **21,825** | **21** |
| *Disemak semula* | *1,595* | *2* |
| *Disusun semula oleh Danaharta* | *1,746* | *7* |
| *Dengan CDRC* | *18,484* | *12* |

* termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir
** termasuk 2 dipindah kepada Danaharta
*** termasuk 2 dipindah kepada Danaharta

Bank Negara Malaysia
28 Februari 2002

**Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan**

| | Disember 2001 | | Januari 2002 | |
|---|---|---|---|---|
| | Baki (RM bilion) | Pertumbuhan tahunan (%) | Baki (RM bilion) | Pertumbuhan tahunan (%) |
| Agregat Monetari | | | | |
| Wang rizab | 40.0 | -3.3 | 42.8 | -0.5 |
| M1 | 80.7 | 3.2 | 83.6 | 5.8 |
| M2 | 362.5 | 2.2 | 360.4 | 1.1 |
| M3 | 469.5 | 2.8 | 472.5 | 2.4 |
| Sistem Perbankan | | | | |
| Jumlah deposit | 479.0 | 1.8 | 480.2 | 1.3 |
| Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 470.4 | 3.6 | 471.0 | 3.7 |
| Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 411.6 | 3.8 | 411.6 | 3.6 |
| Nisbah pinjaman-deposit (%) | 85.9 | | 85.7 | |
| Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan | 9.4 | | 10.6 | |
| Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan | 33.4 | | 31.7 | |
| Keadaan Sistem Perbankan | | | | |
| Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%) | 12.8 | | 12.5 | |
| NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%) | 8.1 | | 8.4 | |
| Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh) | | | | |
| Rizab dalam RM (bilion) | 117.2 | | 117.5 | |
| Rizab dalam Dolar AS (bilion) | 30.8 | | 30.9 | |
| Bilangan bulan import tertangguh | 5.1 | | 5.1 | |
| Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan] | | | | |
| Antara bank: 1-bulan | 2.97 [2.90] | | 2.90 [2.88] | |
| 3-bulan | 3.27 [3.09] | | 3.23 [3.07] | |
| Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan | 3.20 [3.20] | | 3.20 [3.20] | |
| 3-bulan | 3.21 [3.21] | | 3.21 [3.21] | |
| BLR bank perdagangan | 6.39 [6.39] | | 6.39 [6.39] | |
| Harga | | | | |
| Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100) | 102.1 | 1.2 | 102.3 | 1.1 |
| Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100) | 121.7 | -4.5 | - | - |
| Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh) | | | | |
| Euro | 3.3662 | | 3.2773 | |
| Paun Sterling | 5.5161 | | 5.3753 | |
| Dolar Singapura | 2.0529 | | 2.0756 | |
| 100 Yen Jepun | 2.8955 | | 2.8609 | |
| 100 Baht Thai | 8.6022 | | 8.6501 | |
| 100 Peso Filipina | 7.3644 | | 7.4197 | |
| 100 Rupiah Indonesia | 0.0365 | | 0.0368 | |
| 100 Won Korea | 0.2883 | | 0.2910 | |
| Pasaran Modal | | | | |
| Dana bersih yang diperolehi oleh: | | | | |
| sektor awam (RM bilion) | 6.8 | | - | |
| sektor swasta (RM bilion) | 5.4 | | -0.8 | |
| Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh) | 696.09 | | 718.82 | |
| Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh) | 465.0 | | 485.0 | |